

PKPD: BOLEH SALUR SUMBANGAN TETAPI PERLU MAKLUM PEGAWAI DAERAH

KUANTAN, 21 MEI 2021: Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau individu boleh menyalurkan sumbangan kepada penduduk yang terlibat dalam kawasan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), namun perlu menghubungi Pegawai Daerah kawasan terlibat terlebih dahulu .

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Pahang, Encik Zulkhairi Zainol Abidin berkata, ini bagi memastikan bantuan yang ingin disalurkan itu lebih tersusun dan efektif.

“JKM sebagai ahli tetap Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Pahang ditugaskan menyampaikan bantuan makanan kepada penduduk yang dikenakan ‘Home Surveillance Order (HSO)’ terutamanya di kawasan yang dikenakan PKPD.

“Ini kerana mereka tidak dibenarkan keluar daripada tempat kediaman mereka. Jadi agihan bantuan ini dilaksanakan secara sistematik dan tersusun agar bantuan yang disalurkan sampai kepada sasaran keluarga yang diperlukan,” katanya ketika dihubungi Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP) hari ini.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa mengemaskini maklumat bilangan keluarga yang memerlukan bantuan makanan berdasarkan maklumat yang diterima dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Pahang

“Dengan kerjasama daripada sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Pahang, maklumat yang diperolehi sentiasa dikemaskini agar bantuan dapat disampaikan secara tersusun tanpa berlakunya keciciran.

“Diperingkat daerah pula, Jawatankuasa JKM daerah sentiasa bekerjasama dengan Pegawai Daerah (DO) bagi memastikan bantuan dapat disampaikan secara menyeluruh kepada keluarga yang memerlukan.

“Pegawai Daerah bertindak sebagai ketua dalam menyalurkan maklumat keperluan bantuan yang diperlukan oleh setiap daerah bagi tindakan JKM diperingkat daerah khususnya. Bantuan disampaikan oleh JKM bersama sukarelawan JKM,” katanya. –

PAHANGMEDIA

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

#MajuTerusPahang
#Pahang1st
#KerajaanNegeriPahang
#PahangGo

Oleh: Shazli Sufi Che Unik

(LIPUTAN BERGAMBAR)

